

# KEKANGAN KREATIVITI DALAM KEUSAHAWANAN

Usahawan mahupun firma sentiasa berusaha untuk menghasilkan dan membangunkan produk atau perkhidmatan yang kompetitif di pasaran. Untuk mencapai tujuan tersebut, usahawan hendaklah mengambil pendekatan inovatif dan mampu berfikir kreatif untuk memulakan sesuatu yang baharu dalam firmanya. Kekangan mahupun halangan kepada proses kreativiti dan inovasi akan berlaku dalam proses untuk kita cuba membuat sesuatu yang baharu.

Proses kreativiti dan inovasi yang melibatkan penghasilan, pengujian idea baru dan penambahbaikan produk atau perkhidmatan sedia ada mahupun yang baharu akan melalui kesukaran untuk dilaksanakan disebabkan beberapa kekangan tertentu. Kekangan-kekangan tersebut adalah seperti berikut:

- ✚ Kesilapan yang dilakukan sering dianggap sebagai satu kesalahan dan bukannya sebagai satu cabaran atau tidak mampu melihat kesannya sebagai salah satu ide peluang perniagaan yang lainnya.
- ✚ Peraturan ketat yang sudah ditetapkan dan terikat dengan rutin atau kebiasaan melakukan sesuatu perkara atau benda baharu. Usahawan atau firma tidak memberi ruang untuk mencuba cara atau kaedah yang baharu kerana sudah biasa atau selesa dengan cara atau kaedah yang sedia ada.
- ✚ Ketidaksediaan menerima perubahan kepada apa-apa kaedah, proses, langkah, cara penyelesaian yang baharu atau berbeza dengan yang sedia ada dipraktikkan sekarang.
- ✚ Pemikiran yang stereotaip menjadikan usahawan dan firma lebih selesa mengandaikan setiap situasi dan kaedah perlu berlaku di dalam situasi atau kaedah yang sama.

## KEKANGAN KREATIVITI DALAM KEUSAHAWANAN

- ✚ Membuat keputusan yang selalu berasaskan andaian dan kebarangkalian serta tidak suka mengambil risiko boleh menyebabkan usahawan atau firma tidak selesa berada dalam situasi ketidakjangkaan atau sering berubah-ubah.
- ✚ Ketidaksediaan mempelajari sesuatu yang baharu boleh membantutkan penghasilan ide kreatifif dan inovatif, yang mana ianya hanya boleh berjaya sekiranya usahawan dan firma suka membuat eksperimentasi dengan setiap ide-ide yang terhasil.
- ✚ Membuat keputusan yang terlalu berhati-hati sehinggakan lambat berfikir secara pantas dan lambat bertindak dan berfikir secara pantas boleh menyebabkan usahawan dan firma sering ketinggalan dan menghadapi kesukaran untuk mengadaptasi dan mencuba mengeluarkan atau menghasilkan sesuatu yang baharu untuk bersaing secara kompetitif.
- ✚ Persekitaran di firma keusahawanan yang tidak kondusif terhadap proses kreativiti dan inovasi. Pemikiran kreatif tidak dapat dikembangkan dengan mudah apabila pekerja-pekerja berhadapan dengan kritikan atau komen negatif, tiada kebebasan suara, tidak kepercayaan dan saluran komunikasi yang kurang terbuka antara pihak majikan dengan para pekerja sendiri.
- ✚ Idea untuk menyuarakan pendapat dan cadangan penambahbaikan yang tidak digalakkan atau diterima oleh pihak firma boleh menyebabkan seseorang pekerja merasa tidak dihargai, tidak seronok dan rasa tertekan kerana tidak bebas untuk berfikiran kreatif dan inovatif.
- ✚ Tidak menyediakan sumber kewangan, pengurusan, sumber manusia, dan masa yang mencukupi untuk membangunkan dan melaksanakan projek idea kreatif di kalangan pekerja atau jabatan dalam organisasi.

Secara kesimpulannya, setiap kekangan atau halangan kepada kreativiti mampu ditangani sekiranya seorang usahawan mempunyai kriteria seperti motivasi dan keinginan tinggi untuk menyelesaikan apa-apa masalah, fleksibel dengan perubahan tren dalam perniagaan dan sentiasa mahu mempertingkatkan kemahiran pemikiran kreatif yang sedia ada. Dengan adanya kriteria tersebut dalam diri seseorang usahawan, beliau akan berupaya untuk membangunkan apa-apa idea baharu dan akhirnya mencipta sesuatu produk atau perkhidmatan yang baharu.

**DISEDIAKAN OLEH:**

MERLYN RITA ANAK BUNCHA & DR SALMAH TOPIMIN,  
PENSYARAH KEUSAHAWANAN,  
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN,  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.

[merlyn@ums.edu.my](mailto:merlyn@ums.edu.my)